

## Celaka Orang Yang Melampau

Cerita ini saya terjemahkan daripada majalah *al-Wa' a al-Islāmī* yang ditulis oleh al-Ustaz Ali Ahmad Bākthīr – seorang cerpenis Timur Tengah yang terkenal. Cerita ini benar-benar terjadi di zaman Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa salām* masih hidup. Cerita ini menggambarkan kisah kehidupan dua kelamin yang bersalahan pendapat di antara satu sama lain.

(Oleh: Ummu Muhsin)

Salmān al-Fārisī, salah seorang daripada kelamin yang menjadi latar belakang kisah ini ialah seorang daripada sahabat Rasulullah (S.A.W) yang terkenal dan sangat dihormatinya. Salmān dua suami isteri tinggal dengan aman dan tenteram di dalam sebuah rumah yang sederhana dan tidak mempunyai perabot yang istimewa, mereka berdua hidup dengan ala kadar yang ada.

Pada suatu hari Umaymah – isteri Salmān – sedang menyapu-nyapu di dalam rumahnya. Tiba-tiba kedengaran suara ketukan pintu dari luar. Dengan langkah yang teratur rapi Umaymah berjalan menuju ke arah pintu yang tertutup rapi seraya bertanya – demikianlah adat yang mulia di zaman Rasul Allah, bahawa pada bila-bila masa suami tiada di rumah pintu-pintu tetap dikunci atau paling kurang ditutup rapat-rapat dan pintu itu tidak akan dibukakan kepada siapa-siapa sebelum diketahui dengan betul siapakah manusia yang datang itu – kerana mengikuti adat yang mulia ini Umaymah pun bertanya dari dalam:

Umaymah: “Siapa di luar itu?”

Ummu Dardā’: “Saya, Ummu Dardā’”

(Kedengaran jawapan dari luar).

Umaymah: “Oh! Ummu Dardā’” rupanya”

(Umaymah membukakan pintu sambil mengalu-alukan kedatangan tetamu itu).

“Silakan masuk Ummu Dardā’.

saya fikir siapa yang datang tadi?”

Ummu Dardā’: “Saya dengar awak sedang menyapu tadi, teruskanlah pekerjaan awak itu!”

Umaymah: “Sebenarnya saya sudah habis menyapu, silakanlah berehat dahulu!” (Mereka berdua pun duduk di atas sebuah ambaian rendah yang terletak di penjuru rumah itu).

Ummu Dardā’: “Apa khabar awak dan apa khabar suami awak Salmān?”

Umaymah: “Terima kasih. *Al-ḥamduli ‘Lāh*

dengan berkat pertolongan Allah kami di dalam keadaan aman sentosa, dan betapa pula keadaan awak dan suami awak Abu Dardā’? Mudah-mudahan awak berdua di dalam keadaan baik sahaja!”

Ummu Darda: “Oh! Awak bertanyakan

tentang hal suami saya Abu

Dardā’? Oh ya, dia seperti

biasa di dalam keadaan baik”.

(Sambil menarik nafas panjang)

Dengan jawapan Ummu Dardā’ yang agak

luar biasa itu. Umaymah merasai

curiga sedikit, kerana dalam

Ummu Dardā’ menjawab pertanyaan tadi

diperhatikannya gerak geri Ummu Dardā’, ada

berlainan sedikit, seolah-olah

menunjukkan ada sesuatu hal yang

tidak baik di dalam perhubungan mereka

suami isteri. Tetapi dengan

# Alam Wanita

\* Alam Wanita...\*

kebijaksanaan Umaymah ia dapat menyelami perasaan terharu yang sedang menyelebungi jiwa Ummu Dardā', dengan itu juga ia dapat mengagak bahawa kehidupan di antara Ummu Dardā' dan suaminya tidak begitu normal dan tentu ada sesuatu perselisihan faham berlaku di antara keduanya. Untuk mengetahui lebih lanjut hal itu, maka Umaymah terus bertanya lagi:

Umaymah: "Apa kata awak tadi?"

Adakah sikap suami awak itu tidak menyenangkan perasaan awak?"

Ummu Dardā': "Tidak! Sikapnya baik terhadap saya, dan memuaskan hati saya dan hatinya sendiri" (Jawabnya cuba menyembunyikan hakikat yang sebenarnya).

Umaymah: (Terus mendesak Ummu Dardā' supaya berkata dengan berterus terang, sambungnya lagi): "Adakah keadaannya sekarang tidak menyenangkan perasaan awak?"

Ummu Dardā': (Mengeleng-ngelengkan kepalanya seraya mengucap panjang):

"*Astaghfiru Allāh al-'Azīm!* Saya sekali-kali tidak berkata begitu!"

Umaymah: "Tetapi tujuan kata-kata awak itu memang begitu, saya sudah dapat menyelami perasaan awak yang sebenarnya terhadap suami awak, tetapi awak tidak mahu menyatakan kepada saya dengan terus-terang".

Ummu Dardā': "Sekali-kali tidak wahai Umaymah! Saya tidak pernah mengadakan sesuatu yang tiada dari hal suami saya Abu

Dardā'".

Umaymah: "Jangan awak nak cuba berdusta wahai Ummu Dardā'! Saya sudah tahu, di dalam jiwa awak ada sesuatu perkara yang awak cuba nak sembunyikan pada saya. Dengan tegas saya berani mengatakan: Bahawa yang sebenarnya awak tidak suka kepada suami awak".

Ummu Dardā': (Dengan nada suara yang agak nyaring terus menafikan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh Umaymah itu); "Sudahlah Umaymah dari mana datangnya sangka-sangka jahat awak itu terhadap suami saya?"

Umaymah: "Datangnya sangka-sangka saya itu dari gerak-geri awak menjawab pertanyaan saya yang mula-mula tadi".

Ummu Dardā': "Sebenarnya awak salah sangka. Saya harap awak perbaiki semula pendapat dan sangka-sangka awak yang salah itu. Sebenarnya saya sukakan suami saya itu, dan saya benar-benar cinta kepadanya!"

Umaymah: "Kalau benar-benar awak sayang dan cintakan suami awak itu, mengapa awak bersikap demikian?"

Ummu Dardā': "Saya masih belum faham akan maksud dan tujuan kata-kata awak itu, apa yang awak curigakan dari kata-kata dan gerak-geri saya tadi?"

Umaymah: "Yang menyebabkan saya syak tentang diri awak itu ialah setelah saya melihat rambut awak yang kusut masai, tidak berminyak dan tidak bersikat.

Menurut kebiasaan di dalam masyarakat kita setiap wanita yang tidak bersikat, tidak berminyak apatah lagi rambutnya merebang, menunjukkan ada sesuatu perkara yang merunsingkan fikiran, akalnyanya tidak licin dan tidak selicin rambutnya".

Ummu Dardā': "Sebenarnya saya hari ini sibuk mencuci pakaian Abu Dardā', sehingga saya terlupa menyikat rambut dan memakai minyak."

Umaymah: "Jangan awak cuba hendak berdusta wahai Ummu Dardā'! Rambut awak tak pernah berminyak, kerana saya kenal bau minyak dan tahu minyak rambut yang pernah kena walaupun sesudah seminggu lamanya. Kalau awak tidak ada menyimpan minyak di rumah saya akan beri awak minyak".

Ummu Dardā': "*Al-ḥamduli 'Lāh!* Saya ada mempunyai banyak minyak di rumah, lain kali sebelum saya datang ke mari berjumpa dengan awak lebih dahulu saya akan berminyak, bersikat dan berdandan".

Umaymah: "Awak berminyak dan berdandan kerana nak jumpa sayakah atau nak berjumpa dengan suami awak yang dikasihi?"

Ummu Dardā': (Dengan sikap marah lantas berkata): "Saya akan berjumpa dengan awak lebih dahulu, kemudian baru saya pergi menemui suami saya".

Umaymah: (Menjawab dengan suara menyindir): "Janganlah begitu! Selepas awak bersolek hendaklah

**\*Alam Wanita...\***

pergi berjumpa dengan suami awak terlebih dahulu, kemudian barulah datang menemui saya!”

Ummu Dardā’: “Itu semuanya tidak perlu wahai Umaymah! Saya tidak mesti patuh kepada perintah awak”.

Melihat keadaan Ummu Dardā’ sudah mulai marah itu, Umaymah pun mendiamkan diri. Tetapi untuk mententeramkan perasaan sahabatnya itu Umaymah berkata lagi:

Umaymah; “Perkataan awak itu memang benar! Lupakanlah itu semua.... dan cuba awak lihat baju ini” (Sambil ia menunjukkan sehelai bajunya).

Ummu Dardā’: “Mengapa pula awak tunjukan baju itu kepada saya?”

Umaymah: “Awak cantik kalau memakai baju ini, kerana awak masih muda. Awak mesti membuang sifat malas berhias dan bersolek!”

Ummu Dardā’: Janganlah kita bicarakan lagi soal berhias dan bersolek, tinggalkanlah itu semuanya! Demi Allah, kedatangan saya ke mari bukannya kerana hendak belajar bersolek kepada awak tetapi saya datang kerana hendak berjumpa awak untuk mengetahui tentang kesihatan awak suami isteri”.

Umaymah: (Menjawab perkataan Ummu Dardā’ dengan menukar mauduk perbicaraan. Ia menerangkan kepada Ummu Dardā’ tentang kisah di antara kaum Muhājirīn dengan Anṣār): “Awak tidak

patut melupakan bagaimana Rasul Allah (S.A.W) mempersaudarakan di antara kaum Muhājirīn dengan kaum Anṣār, dan dengan itu terjalinlah tali persaudaraan di antara suami saya dengan suami awak”.

Ummu Dardā’: “Ya, peristiwa itu sekali-kali tak dapat saya lupakan”.

Umaymah: “Salmān al-Fārisīi suami saya dan Abu Dardā’ suami awak adalah sama suku bangsa daripada kabilah al-Khazrajī. Di antara saya dan awak satu suku bangsa pula”.

Ummu Dardā’: “Itu memang benar!”

Umaymah: “Oleh kerana itu saya rasa tak patut benar, sekira saya memakai baju lebih cantik dari awak, dan tak sedap pula rasanya bersikap rambut lebih licin dari awak, sedangkan kita satu suku bangsa dan satu agama”

Ummu Dardā’: “Tak usahlah awak mengambil berat sangat tentang diri saya wahai Umaymah. Buat saya sudah tidak ada kecenderungan lagi bersolek dan menghias diri seperti awak.”

Umaymah: “Demi Allah! Pada masa dahulu saya adalah dipandang orang secantik-cantik perempuan Anṣār dan sepandai-pandai wanita di zaman itu dalam soal menghias diri oleh itu saya sentiasa menghias diri saya dan memelihara rambut saya yang lebat panjang itu supaya dipandang rapi dan kemas oleh suami saya. Kebiasaan menghiasi diri itu hingga sekarang masih saya lakukan lagi, walaupun umur

saya sudah agak lanjut sedikit”.

Ummu Dardā’: “Zaman itu sudah lampau wahai ummu Abdullah (gelaran kepada Umaymah) segala sesuatu yang berlaku di zaman dahulu itu sudah berlalu, tidak boleh disamakan dengan keadaan kita sekarang ini.

Ummaimah : Sebab apa berlakunya segala perubahan-perubahan itu wahai Ummu Dardā’?”

Ummu Dardā’: Dahulu Abu Dardā’, bertugas menjadi seorang saudagar, tetapi suami saya itu sekarang telah meninggalkan urusan dagangnya dan ia telah menjadi seorang yang zuhud dengan menggunakan sepanjang waktunya semata-mata untuk beribadat ke hadirat Allah *subhānahu wa Ta’ālā*”.

Umaymah: “Sikap itu adakah dilakukan dengan kemahuan dan kesukaan Abu Dardā’ sendiri?”

Ummu Dardā’: “Tentulah dengan kemahuan sendiri, kerana beliau berpenadapat, bahawa urusan perniagaan dengan ibadat tidak boleh disatukan”.

Umaymah: “Apa pula yang menjadi halangan keduanya bersatu? Salmān juga seorang ahli ibadat, tetapi ia terus-menerus mengusahakan pekerjaannya bertenun kain dan ia makan menanggung anak isterinya dari usaha tangannya sendiri. Ia berpendapat bahawa berusaha untuk mencari nafkah hidup yang halal itu adalah sebaik-baik amalan disepanjang mengerjakan ibadat terhadap Allah”.

**\*Alam Wanita...\***

Ummu Dardā': "Suami awak itu seorang manusia bersifat lain daripada yang lain. Ia mempunyai cita-cita hidup yang tinggi, kerana merasa cukup puas hati hidup disamping awak, begitu pula awak cukup gembira hidup di sampingnya".

Umaymah: "Awak tak patut mengikuti kemahuan suami awak itu dengan membuat tuli sahaja dengan melupakan kewajipan diri awak sendiri terhadapnya. Berhiaslah! Dan bersoleklah! Demi untuk kepuasan suami dan kebahagiaan rumahtangga awak".

Ummu Dardā': "Sebagai seorang isteri, kepada siapakah ia harus menunjukkan kecantikan dan kejelitaan dirinya? Bukankah kepada suaminya sendiri?"

Umaymah: "Sudah tentu kepada suami sendiri".

Ummu Dardā': "Ada pun suami saya sekarang sudah tidak berhajat lagi kepada kecantikan saya, saya bercelak atau tidak, saya bersikat atau tidak, saya bersolek atau tidak sama sahaja padanya. Oleh sebab itu kepada siapa yang awak kehendaki saya berhias...kepada syaitan?"

Umaymah: "*Audhu billāh min dhalik!*  
Mengapa awak berkata demikian wahai Ummu Dardā'?"

Ummu Dardā': "Apa lagi yang harus saya katakan kepada awak? Awak memang berhajat untuk membongkar

rahsia hati saya, sehingga awak mengemukakan beberapa banyak soalan-soalan yang membosankan hati saya. Hanya itu sahajalah jawapan yang dapat saya berikan kepada awak untuk memuaskan hati awak".

Umaymah: "Sungguh jujur hati awak wahai sahabatku! Sebagai seorang sahabat, memang sewajarnya awak menerangkan kepada saya segala apa yang telah terjadi di atas diri awak daripada mulanya. Dengan itu mudah-mudahan saya akan dapat memberikan sebarang pertolongan kepada awak".

Ummu Dardā': "Belum cukupkah lagi segala apa yang telah saya katakan kepada awak? Kalau begitu baiklah! Sekarang akan saya curahkan kepada awak segala isi hati saya, dan akan saya ceritakan tentang penderitaan jiwa batin saya. Mudah-mudahan awak akan dapat mengambil iktibar daripadanya".

Umaymah: "Itulah yang sebaik-baiknya! Boleh jadi juga saya akan dapat menolong awak sekiranya memberikan pendapat dan buah fikiran kepada awak".

Ummu Dardā': "Saya fikir awak tak boleh berbuat apa-apa untuk menolong saya, selain daripada memberikan baju awak lagi kepada saya".

Umaymah: "Itu tidak menjadi apa-apa halangan, awak boleh pilih mana satu baju saya yang awak berkenan!"

Ummu Dardā': "Saya tidak mahu lagi meminta baju daripada awak. Lebih baik baju-baju itu awak simpan

sahaja. Tahukah awak apa sudah terjadi pada baju yang awak hadiahkan kepada saya dahulu itu?"

Umaymah: "Apa yang sudah terjadi dengan baju itu?"

Ummu Dardā': "Pada suatu hari saya telah memakai baju yang awak hadiahkan itu. Tiba-tiba suami saya menyuruh buka baju yang sedang saya pakai itu, dan disedekahkan kepada salah seorang keluarganya yang miskin.

Umaymah: "Mudah-mudahan Allah akan mengampunkan Abu Dardā' di atas perbuatannya itu. Demi Allah saya akan mengadukan hal ini kepada Salmān, supaya Salmān dapat memberikan kata-kata nasihat kepadanya".

Ummu Dardā': "Jangan Umaymah... Jangan! Perkara ini adalah rahsia saya sendiri yang tidak patut diketahui oleh orang lain selain dari kita berdua. Saya tidak suka orang tahu bahawa saya adalah isteri Abu Dardā'. Saya berasa malu kerana keadaan diri dan perihal hidup saya tidak serupa dengan isteri-isteri orang lain, disebabkan Abu Dardā' tidak mempunyai sifat-sifat yang patut dipunyai oleh seorang suami seperti suami-suami orang lain".

Umaymah: "Tidakkah suami awak mengetahui yang hati awak tidak puas dengan perubahan sikapnya itu?"

**\*Alam Wanita...\***

Ummu Dardā' : Tidak! Ia tidak mengetahui hal diri saya, kerana ia tak pernah memperhatikan sikap dan gerak-geri saya terhadapnya, lantaran ia asyik dengan mengerjakan amal ibadah sahaja."

Umaymah: "Apa salahnya jika saya menceritakan hal ini kepada suami saya Salmān, supaya Salmān dapat memberikan nasihat kepadanya! Awak jangan bimbang dalam soal ini saya jamin yang rahsia awak itu tidak akan terkeluar dari mulut Salmān, sebab Salmān ibarat seperti sebuah karung tempat menyimpan rahsia".

Ummu Dardā' : 'Jangan Umaymah..... Jangan! Saya lebih malu kepada suami awak daripada suami saya sendiri".

Umaymah: "Suami saya Salmān adalah saudara suami awak, sama jugalah seperti saudara awak sendiri".

Ummu Dardā' : "Sesungguhnya saya anggap Salmān itu seperti saudara kandung saya sendiri, tetapi saya lebih malu kepadanya daripada suami saya di dalam hal yang seperti ini".

Umaymah: "Kalau begitu baiklah – dengan Terus-terang saya katakan kepada awak bahawa Salmān sudah pun mengetahui hal keadaan awak itu".

Ummu Dardā' : "Allah, sungguh celaka... dan celaka... dan celaka! Dari

mana ia mengetahui?"

Umaymah: "Dari mulut awak juga".

Ummu Dardā' : "Apa kata awak? Daripada mulut saya?"

Umaymah: "Ya, daripada mulut awak sendiri. Awak tentu masih ingat, pada suatu hari Salmān pernah datang ke rumah awak. Pada masa itulah ia dapat memperhatikan tingkah laku dan gerak-geri awak, lalu ia bertanya kepada awak: "Mengapa ia nampak sikap awak keluh-kesah? Kemudian awak menjawab dengan mengatakan bahawa suami awak Abu Dardā' sudah tidak ada keinginan lagi untuk mencapai segala kelazatan di dunia ini".

Ummu Dardā' : "Betul ya, betul! Saya masih ingat yang saya memang ada berkata begitu kepada Salmān. Tetapi dengan kata-kata saya yang singkat tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan saya telah membukakan segala rahsia hati saya sebagaimana yang telah saya ceritakan kepada awak baru-baru tadi. Hanya maksud saya mengatakan kepada Salmān bahawa suami saya Abu Dardā' sudah uzur, oleh sebab itulah maka ia memalingkan haluannya kepada ibadat semata-mata, kerana sudah sudah tidak berdaya lagi untuk berusaha mencari nafkah hidup. Perkara itu sahajalah yang telah saya cakapkan kepadanya. Pada ketika itu juga Salmān menghadaiahkan sehelai baju kepada saya".

Umaymah: "Sekiranya benar awak telah menyembunyikan rahsia hati awak itu kepada Salmān: Sungguh bijak

benar Salmān dapat menyelami hati dan jiwa awak yang sebenarnya.

Saya juga pernah merahsiakan sesuatu kepadanya, tetapi dengan memperhatikan sikap dan gerak-geri saya ia dapat mengetahui rahsia yang saya sembunyikan itu dengan jelas".

Ummu Dardā' : "Ya Allah! Sesungguhnya saya telah mendapat malu..... saya telah mendapat malu besar!"

Umaymah: "Jangan begitu wahai Ummu Dardā'! Anggaplah Salmān itu seperti saudara kandung awak sendiri, tempat awak mengadukan sesuatu hal pada bila-bila masa awak ditimpa oleh kesusahan".

(Bersambung)

Buku Baru.

Istimewa.

RISALAH  
PENDIDEKAN  
DAN

KELUARGA,

Kumpulan dari kata2 dan nasihat yang berharga Al-Imam Al-Shahid Hasan Al-Banna Pemimpin Al-Ekhwatul-Muslimin yang mustahak di-jadikan panduan hidup di-dalam suatu masyarakat Islam yang bergerak maju.

Mustahak di-bacha oleh pemuda dan pemudi Islam angkatan baru yang chinta-kan Islam.

Sa-buah \$1.00

Pesan-lah kepada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.